



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)			
TARIKH	:	25/4/2018	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	NRE / NAHRIM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Produk Inovasi Nahrin

● Blok Perlindungan Hakisan dan Peluasan Pantai (Blok NEXC)

Produk perlindungan pantai daripada masalah hakisan dan sebagai mekanisme perluasan pantai secara semula jadi.

● Malaysia Climate Change Knowledge Portal (N-HYDAA)

Dibangunkan menggunakan pendekatan teknologi *Big Data Analytic* (BDA) bagi menyokong pembuatan keputusan dalam menangani kesan dan impak perubahan iklim di Malaysia.

● Nahrin Coastal Defence and Energy Generator (N-CODE)

N-CODE Fasa 2 adalah merupakan alat penjana elektrik bersumberkan ombak laut yang ditambah baik dibangunkan oleh MHI.

● WABCORE

Struktur pemecah ombak merupakan salah satu daripada struktur yang digunakan dalam menangani bencana hakisan dengan melesapkan tenaga ombak melalui pencetekan, biasan dan pantulan.

● NAHRIM Oil and Food Waste Trap (NOFAT)

Perangkap lemak, minyak dan gris yang dipasang dalam sistem perpaipan selepas sinki yang berperanan untuk memerangkap bahan pencemar iaitu lemak, minyak dan gris daripada mengalir terus ke dalam sistem pembentungan.

● NR-GPT

Dipasang merentang sungai untuk menahan dan memerangkap sampah terapung yang dibawa oleh arus sungai.

● NAILS V2

Produk inovasi untuk menahan limpahan air semasa hujan lebat dan dipasang di tebing-tebing sungai, diparit-parit dan terusan air yang berpotensi berlakunya limpahan air seterusnya menyebabkan banjir.

MoU Nahrin-MPSP bidang penyelidikan

INSTITUT Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrin) baru-baru ini memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertujuan untuk memperkukuhkan, menggalakkan dan membangunkan kerjasama di antara kedua belah pihak dalam pengurusan sumber air dan persekitarannya, yang meliputi pengurusan sungai, tasik, air larian permukaan, air tanah dan pantai.

Menurut kenyataan agensi berkenaan, pelan tersebut terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) iaitu di bawah Program Penyelidikan Pengurusan Kualiti Air, Sekuriti dan Kelestariannya membolehkan Nahrin menjalankan Penyelidikan Pelan Pengurusan dan Pembangunan (PPP) bagi lembangan-lembangan sungai terpilih di seluruh negara.

Pada tahun ini Nahrin menjalankan Penyelidikan PPP di tiga lembangan sungai di Pulau Pinang iaitu Sungai Batu Ferringhi, Sungai Junjung dan Sungai Juru.

Pelan yang akan dibangunkan ini terdiri daripada beberapa buah pelan induk, di antaranya Pelan Induk ke arah Banjir Sifar, Pelan Induk Pelaksanaan *Total Maximum Daily Load* (TMDL), Pelan Induk Saliran Bandar, Pelan Induk Pengurusan Hakisan dan Endapan Sungai dan Pelan Induk Pengurusan Muara Sungai."

kenyataan itu lagi.

PPP tersebut membantu MPSP dalam merancang dan mengurus pembangunan secara bersepadu."

Ia akan menjamin kuantiti dan kualiti sumber air di Seberang Perai dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk serta generasi akan datang.

Jaminan bekalan air akan meningkatkan kesihatan awam dan memastikan pembangunan sosioekonomi dapat berjalan seperti perancangan tanpa sebarang halangan.

Antara hasil kerjasama tersebut adalah jaminan air mentah ditingkatkan melalui pembangunan air daripada pelbagai sumber dan pengurangan banjir dan hakisan pantai.

MoU itu juga akan mempermudah pertukaran maklumat dan data di antara MPSP dan Nahrin bagi membantu agensi berkenaan menayakan penyelidikan PPP di Lembangan Sungai Junjung dan Sungai Juru seperti yang dirangka.

Pada majlis tersebut yang diadakan di Menara MPSP Pulau Pinang, Nahrin yang merupakan agensi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed manakala MPSP diwakili Yang Dipertuanya, Datuk Rozali Mohamad.



IR. DR. AZUHAN MOHAMED (kanan) dan Rozali Mohamad (kiri) bertukar-tukar dokumen MoU di Pulau Pinang baru-baru ini.